

23/05/1997

Hidup selesa bukan hak orang kaya saja

Hasliza Hassan

HIDUP SELESA bukan hak mereka berpendapatan tinggi sahaja. Inilah pendorong pemenang pertama Pertandingan Keluarga Hidup Selesa Peringkat Kebangsaan 1997 bagi kategori luar bandar, Zahari Junin, 47, untuk memberi kehidupan selesa kepada keluarganya.

Zahari juga berpegang kepada pepatah selagi ada kemahuan di situ ada jalan dan usaha gigih pasti membuahkan kejayaan.

"Walaupun bergaji kecil seseorang itu mampu menjalani kehidupan yang selesa jika bijak merancang dan berjimat cermat," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah Pertandingan Keluarga Hidup Selesa di sebuah hotel terkemuka, di sini hari ini.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna, Datuk S Subramaniam. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Mohd Noor Abdul Rahim.

Pertandingan Keluarga Hidup Selesa yang dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Hari Pengguna Sedunia, 4 Jun tahun lalu itu bertujuan memilih keluarga berpendapatan kurang RM1,500 yang dapat menjalani hidup selesa dan bahagia supaya diteladani golongan berpendapatan yang sama.

Pertandingan itu diharap dapat mengenal pasti cara keluarga berpendapatan rendah mengurus perbelanjaan mereka untuk mengecapi kehidupan selesa.

Bapa empat orang anak itu yang berasal dari Rompin meraih RM3,000 dan sijil penghargaan.

"Saya bangga kerana berjaya memberi keselesaan hidup kepada keluarga dan berharap mereka yang sependapatan dengan saya boleh menikmati kehidupan yang sama.

Menurut Zahari, beliau memastikan perancangan perbelanjaan keluarga dilakukan bersama isteri dan anak-anak agar semua keperluan ahli keluarga dapat dipenuhi.

Beliau yang bekerja sebagai pemandu jentera di Jabatan Pertanian Daerah Rompin berkata, pendapatannya sebanyak RM700 sebulan dibahagikan sebaik mungkin untuk menampung keperluan seperti makanan, bil dan persekolahan anak-anak.

"Kalau nak diikutkan gaji memang tidak mencukupi untuk keluarga seramai enam orang tetapi kerana perancangan yang teratur, kami mampu hidup dalam keadaan yang selesa.

"Bagi saya, berbelanja mengikut kemampuan dan yang paling penting jangan boros dan suka membazir. Anggaplah hasil dari titik peluh itu sebagai sesuatu yang berharga dan tinggi nilainya," katanya.

Untuk menambah pendapatan keluarga, Zahari dan isteri, Rosimah Asim, 37, berladang dan menternak lembu. Kini, mereka memiliki 12 ekor lembu pawah dan kebun jagung yang diusahakan oleh isterinya.

Beliau juga sering menasihati anak-anaknya agar berhati-hati berbelanja dan menggalakkan mereka menabung dengan membuka akaun simpanan untuk mereka sejak kecil lagi.

"Simpanan itu adalah untuk keperluan mereka di masa hadapan. Sekiranya mempunyai rezeki dan berpeluang melanjutkan pelajaran, mereka tidak akan mengalami masalah kerana mempunyai punca kewangan sendiri," katanya.

(END)